

# Jamuan Perpisahan Naib Canselor Pertama UMS



**CENDERAMATA...** Tan Sri Prof. Dr. Abu Hassan (kanan) menerima sebuah cenderamata daripada penggantinya Prof. Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin (dua kiri).

Satu majlis jamuan perpisahan telah diadakan sempena persaraan Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang pertama, Tan Sri Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Abu Hassan Othman di Magellan Sutera Harbour, pada malam 21 Mac 2005.

Majlis itu turut dihadiri YABhg Datuk Musa Hj. Aman, Ketua Menteri Sabah dan isteri, YABhg Tun Datuk Seri Panglima Dr. (K) Hj. Sakaran Dandai, mantan Canselor pertama UMS dan isteri, YBhg Tan Sri Datuk Abdul Hamid Egoh, Pengerusi Lembaga Pengarah UMS dan isteri; YBhg Prof. Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin, Naib Canselor baru UMS dan isteri serta Menteri-Menteri dan Pembantu-Pembantu Menteri Kabinet Sabah.

Dalam ucapannya, Tan Sri Dr. Abu Hassan berkata beliau merasa bangga dengan peranan beliau dalam mentransformasikan satu uni-

versiti yang pada mulanya hanya wujud di atas kertas kepada salah sebuah institusi di negara ini yang disegani masyarakat antarabangsa.

Dalam transformasi ini yang saya panggil “metamorfosis fizikal dan intelektual”, saya telah menghadapi banyak cabaran hebat, tetapi saya tidak pernah menoleh ke belakang. Sebaliknya, saya mencari cara-cara baru untuk menangani cabaran itu tanpa mengkompromikan kebaikan universiti.

“Saya telah melaburkan banyak tenaga dan fakulti mental saya dalam institusi ini. Apa yang menggembirakan saya ialah pelaburan ini telah menunjukkan pulangnya semasa saya masih berkhidmat lagi. Saya rasa bertuah kerana dapat melihat sendiri hasilnya sebelum saya bersara. UMS telah mengadakan enam konvokesyen dan telah mentransformasi kehidupan banyak pelajar yang membuat keputusan untuk memasuki universiti ini,” kata beliau.

Menurut beliau, semenjak perlantikannya sebagai Naib Canselor UMS yang pertama, beliau sentiasa didorongi moto sekolahnya dahulu, Sekolah King George ke-5, iaitu “*Vini, Vidi, Vici*”, yang bererti “Aku Datang, Aku Lihat, Aku Takluki”.

“Kita mempunyai aspirasi dan impian kita yang pencapaiannya hanya di tangan Allah. Saya berjaya mencapai semuanya kecuali satu, dan biarlah yang satu ini menjadi cabaran untuk menguatkan kesungguhan untuk maju ke hadapan dan untuk mencapai kejayaan di masa akan datang,” kata beliau.

Majlis tersebut turut memaparkan tayangan video yang mengimbau kembali kehidupan Tan Sri Dr. Abu Hassan sejak beliau kecil.

Sebuah buku khas edisi terhad berjudul “Menggamit Memori” yang mengkronikalkan kisah kehidupan dan kejayaan Tan Sri Dr. Abu Hassan turut diberi kepada para tetamu kehormat.